

## SIARAN MEDIA

### **TASK FORCE REKODKAN 92 PROJEK SAKIT DIPULIHKAN BAGI SUKU PERTAMA 2023; 8 DARIPADA SASARAN 10 PROJEK SAKIT PR1MA TELAH TERIMA CCC**

---

**PETALING JAYA, 9 Mei 2023** – Sejak penubuhan Task Force Projek Perumahan Swasta Sakit dan Terbengkalai pada 30 Disember 2022 yang lepas, statistik projek perumahan swasta sakit dan terbengkalai menunjukkan penurunan dan ini merupakan perkembangan yang positif.

Tempoh 31 Disember 2022 sehingga 31 Mac 2023 menunjukkan sebanyak 80 projek perumahan swasta dalam kategori sakit telah berjaya diselesaikan sehingga menerima Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan atau *Certificate of Completion and Compliance* (CCC). 12 projek sakit juga telah dipantau sehingga kembali mengikut jadual pembinaan (lancar) dengan menjadikan jumlah keseluruhan 92 projek berjaya dikeluarkan daripada senarai projek sakit bagi suku tahun pertama ini.

Bagi sukuan pertama 2023, pasukan Task Force telah menfokuskan kepada kaedah pengesanan (*tracking*) yang terperinci iaitu dengan mengenalpasti data keseluruhan projek perumahan yang berlesen dan mengesan pergerakan projek perumahan swasta yang lancar, lewat, sakit dan terbengkalai.

Menurut YB Tuan Akmal Nasrullah, Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan, “Melalui Task Force yang telah diadakan, KPKT berjaya mengenalpasti sebanyak 95 projek perumahan swasta sakit yang menghadapi isu berkaitan utiliti seperti sambungan bekalan elektrik, sistem pembentungan, bekalan air, kemudahan jalan dan perparitan yang menjadi kekangan oleh pihak pemaju menyiapkan projek perumahan tersebut mengikut tempoh masa yang dirancang. Ini antara faktor yang menyumbang kepada berlakunya projek perumahan swasta sakit selain daripada faktor utama yang melibatkan isu kewangan syarikat”. Justeru, KPKT akan mengambil tindakan proaktif menjalankan perbincangan dua hala bersama agensi utiliti berkaitan untuk memudahcara dan mencari penyelesaian terbaik.

Manakala bagi tempoh suku kedua tahun 2023, KPKT akan memperkukuhkan dua (2) lagi elemen Terma Rujukan penubuhan Task Force ini iaitu mengambil tindakan pemantauan secara berterusan (*resolve*) dan mengambil langkah pencegahan (*preventive*). Memandangkan isu utiliti dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah dikenalpasti sebagai antara faktor yang akan menyebabkan projek lewat dan sakit, maka pemaju telah dinasihatkan untuk memaklumkan kepada KPKT pada peringkat awal sekiranya mereka mengalami masalah tersebut untuk mengelakkan kelewatan projek.

Bagi status pada bulan Mac 2023, Mesyuarat Task Force Bil. 4/2023 yang telah diadakan pada 18 April 2023 mengesahkan statistik sehingga 31 Mac 2023, sebanyak 435 projek adalah dikategorikan sebagai sakit daripada 3,153 projek perumahan swasta berlesen yang menyumbang sebanyak 13.8%. Daripada keseluruhan projek ini, sebanyak 27 projek perumahan swasta sakit (2,418 unit rumah) telah berjaya diselesaikan sehingga menerima CCC dan sebanyak tiga (3) projek sakit (401 unit) telah dipantau dengan rapi sehingga dikategorikan sebagai projek lancar.

Kementerian juga memberikan tumpuan khusus terhadap pemulihan projek perumahan sakit kelolaan perbadanan dan syarikat di bawah KPKT. Projek-projek di bawah Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) turut dipantau dan Task Force menetapkan sasaran 10 daripada 20 projek sakit disiapkan dalam tahun 2023 seperti yang diumumkan oleh YB Timbalan Menteri KPKT di Parlimen awal tahun ini.

Sehingga 30 April 2023, lapan (8) Projek Sakit PR1MA telah berjaya disiapkan dan menerima CCC, iaitu:

1. Residensi Taman Raia Sentosa (Sungai Raia), Perak;
2. Residensi Woodford Estate Fasa 1, Sabah;
3. Residensi Kota Tinggi, Johor;
4. Residensi Runggu, Sabah;
5. Residensi Sitiawan Fasa 2, Perak;
6. Residensi Pelangi Indah, Johor;
7. Residensi Seri Mahkota (Sungai Ular), Kedah; dan
8. Residensi Bandar Bukit Mahkota, Selangor.

KPKT komited menangani masalah projek perumahan sakit dan terbengkalai di seluruh negara. Pendekatan drastik telah diambil melalui penubuhan Task Force yang bertujuan untuk mencari pendekatan yang lebih holistik, berfokus dan strategik serta memberi impak positif dalam menyelesaikan isu projek sakit dan terbengkalai.

*#MalaysiaMadani*  
*#StrongerTogether*  
*#DemiPertiwi*  
*#UnityInDiversity*

---

*Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).*

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)*

